

## **SKEMA PEMARKAHAN KERTAS 1**

### **SOALAN BAHAGIAN A( 30 MARKAH)**

1. Format penulisan komen:

T – menepati tugas

I – relevan , huraian jelas

B – gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas

P- sangat menarik dan berkesan

### **Skema jawapan bahagian A**

#### **Kehendak soalan/tugasan soalan:**

1. Calon perlu menghuraikan **kepentingan kitar semula**.
2. Calon mesti menggunakan semua bahan yang diberikan sama ada menjadi idea utama, idea sampingan atau contoh.
3. Sekiranya calon menggunakan idea sendiri tanpa menggunakan bahan yang diberikan tetapi masih menggunakan kata kunci kepentingan- maksimum peringkat memuaskan.
4. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir- maksimum peringkat kepujian.
5. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan- maksimum peringkat memuaskan.

#### **Kemungkinan jawapan**

1. Melindungi alam sekitar ( Bahan 1)
2. Mengelak bencana ( Bahan 1 )
3. Ketenangan jiwa dan hidup. ( Bahan 1 )
4. Mengurangkan pencemaran alam sekitar ( Bahan 2)
5. Menangani masalah kekurangan tapak pelupusan sampah ( Bahan 2)
6. Memupuk kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar ( Bahan 2)
7. Amalan 3R melestarikan alam sekitar ( Bahan 3 )

## **SOALAN BAHAGIAN B ( 70 MARKAH)**

1. Format penulisan komen:

T – menjawab tugas

I – relevan , huraian jelas

B – gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat

P - menarik dan berkesan

### **SOALAN 1 ( DOMAIN AWAM)**

Petikan artikel di atas menjelaskan pencemaran udara menyebabkan pelbagai implikasi sehingga dapat memendekkan jangka hayat manusia. Sehubungan dengan itu, apakah langkah-langkah untuk mengatasi masalah pencemaran udara.

Huraikan langkah-langkah tersebut.

#### **Kehendak / tugas soal:**

1. Calon dikehendaki menghuraikan “ Langkah-langkah untuk mengatasi masalah pencemaran udara”
2. Sekiranya calon hanya menghuraikan langkah-langkah tanpa menyatakan pihak-maksimum peringkat kepujian.
3. Calon menghuraikan satu pihak sahaja – diterima seperti biasa

#### **Kemungkinan jawapan :**

1. Kerajaan perlulah memastikan tenaga elektrik dibekalkan oleh sumber yang menghasilkan sedikit pencemaran udara.
2. Masyarakat tidak membakar sampah sarap dan semak samun secara terbuka.
3. Masyarakat mengurangkan penggunaan kenderaan yang mengeluarkan asap berlebihan.
4. Kerajaan menguatkuasakan undang-undang alam sekitar yang sedia ada.

### **SOALAN 2 ( DOMAIN PERIBADI)**

Petikan ucapan atas kejayaan cemerlang anda dalam SPM telah menjadi inspirasi kepada rakan anda untuk berkongsi rahsia kejayaan anda. Hal ini demikian kerana, prestasi pelajarannya masih kurang memuaskan walaupun dia banyak menghabiskan masanya untuk mengulang kaji pelajaran.

Balas surat rakan anda itu selengkapnya.

**Kehendak/tugasan soalan:**

1. Format : surat kiriman biasa
2. Calon dikehendaki berkongsi rahsia kejayaan anda dalam peperiksaan.
3. Sekiranya calon menyentuh pelaku lain selain diri sendiri – markah maksimum memuaskan

**Kemungkinan jawaban**

1. Pandai membahagikan masa untuk belajar dan aktiviti kokurikulum
2. Menguasai seberapa banyak kemahiran belajar
3. Menyertai mana-mana kursus motivasi diri dan jaya diri
4. Mempunyai matlamat untuk belajar
5. Bertawakal setelah berusaha
6. Menumpukan perhatian ketika di dalam kelas
7. Minta bantuan guru-guru dan rakan-rakan.
8. Menyertai program bermanfaat seperti Program Duta Guru.

**SOALAN 3 ( DOMAIN PENDIDIKAN )**

Petikan di atas membicarakan pendidikan secara maya yang dilaksanakan oleh pihak sekolah dan universiti sewaktu wabak COVID-19 melanda seluruh dunia.

Berikan pendapat anda tentang kelebihan-kelebihan pendidikan secara maya.

**Kehendak Soalan:**

1. Calon dikehendaki menghuraikan kelebihan-kelebihan pendidikan secara maya.
2. Jika calon menyentuh kata kunci selain daripada kebaikan markah maksimum peringkat baik sahaja.

**Kemungkinan jawaban :**

1. Menjimatkan kos – tidak perlu bergerak ke lokasi lain.
2. Perbincangan secara video dapat dirakam – rujukan dikemudian hari
3. Lebih banyak murid dapat mengikuti kuliah
4. Penilaian pembelajaran sendiri

#### **SOALAN 4 ( DOMAIN KERJAYA)**

Petikan di atas menunjukkan minat graduan yang kurang dalam bidang keusahawan walaupun pusat pengajian tinggi memperkenalkan modul keusahawan kepada mereka. Kesannya, kadar pengangguran dalam kalangan graduan masih tinggi. Oleh itu, semua pihak haruslah berganding bahu untuk meningkatkan pelibatan para graduan dalam bidang keusahawan.

Huraikan usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk meningkatkan pelibatan para graduan dalam bidang keusahawanan.

#### **Kehendak Soalan:**

1. Calon dikehendaki menjelaskan usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk meningkatkan pelibatan para graduan dalam bidang keusahawanan
2. Jika calon tidak menyentuh usaha-usaha, markah maksimum peringkat baik sahaja.

#### **Kemungkinan jawapan :**

1. Kerajaan perlu membanyakkan program keusahawan untuk menarik lebih banyak graduan terlibat dalam bidang keusahawan.
2. Kerajaan juga harus membuka peluang untuk para graduan berniaga secara kecil-kecilan
3. Graduan harus berani membuka perniagaan dan mendepani setiap cabaran yang datang.
4. Graduan harus berusaha untuk menambahkan ilmu pengetahuan berkaitan dengan bidang perniagaan.
5. Kerajaan menyediakan bantuan modal kepada usahawan untuk memulakan perniagaan.